

KUALA LUMPUR, 15 MEI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG DIUJI KEMANTAPAN, KEMAMPUAN DAN KEWIBAWAANNYA SELAMA LIMA TAHUN TELAH MEMBUKTIKAN KETOKOHANNYA SEBAGAI BAKAL PERDANA MENTERI YANG DITERIMA RAMAI.

ERANYA AKAN MERUPAKAN ZAMAN NEGARA MENCAPAI BERBAGAI KEJAYAAN HASIL IDE-IDE YANG DIUTARAKANNYA SEHINGGA PADA SATU KETIKA DAHULU BELIAU PERNAH DICAP SEBAGAI +ULTRA+, PELAMPAU DAN PERKAUMAN. INI TALAH CUMA KERANA IDE-IDE ITU TIDAK DAPAT DITERIMA KETIKA ITU.

BELIAU MAHUKAN SEBUAH MASYARAKAT MALAYSIA YANG DISUSUN SEMULA SUPAYA KAUM BUMIPUTERA MEMPUNYAI BAHAGIAN YANG LEBIH BERMAKNA BELIAU JUGA MENGGESA AGAR KEMISKINAN TERUTAMA DI LUARBANDAR DIBENTARAS, BELIAU INGIN MEWUJUDKAN PERPADUAN MENERUSI PENGGUNAAN CUMA SATU BAHASA IAITU BAHASA MALAYSIA.

SARANAN INI KINI DITERIMA OLEH SEMUA LAPISAN MASYARAKAT MALAYSIA DAN MENJADI LUMRAH HIDUP YANG REALISTIK.

BANYAK LAGI IDENYA TERMASUK MENUBUHKAN SEBUAH LADANG PADI UNTUK MENJADIKAN CARA BERKEBUN KECIL LEBIH MENGUNTINGKAN, KINI MENJADI SATU KENYATAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN MENGAMBIL ALIH PUCUK PIMPINAN NEGARA PADA SAAT-SAAT CARA PEMIKIRANNYA DAN LAIN-LAIN RAKYAT MALAYSIA HAMPIR SERUPA. — BERSAMBUNG 1750/SZ

#### MAHATHIR-PROFIL 2 KUALA LUMPUR

RAMAI ORANG TERMASUK KALANGAN BARISAN NASIONAL MASIH TERINGAT KETIKA DATUK HUSSEIN MEMBUAT KEPUTUSAN YANG MEMERANJATKAN DENGAN MEMILIH DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI TIMBALANNYA.

TETAPI KEWIBAWAAN DAN CARA KEPIMPINANNYA MENJADI JELAS — IAITU SEORANG YANG PRAGMATIK, BERSIKAP TERBUKA DAN MEMIKUL TANGGUNGJAWABNYA DAN MELAKSANAKAN KEPUTUSANNYA DENGAN TEGAS.

KETIKA MEMEGANG JAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, BELIAU JUGA MENJAWAT PORTFOLIO PELAJARAN DAN KEMUDIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

SISTEM PELAJARAN TELAH BERKEMBANG DAN DIPERBAIKI, PENYADABIRAN INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN TINGGI DISAMAKAN, DISIPLIN DI KALANGAN PELAJAR DIPERKETATKAN DAN NASIB PARA GURU DIPERBAIKI.

PELADURAN ASING DATANG MENCURAH-CURAH KE MALAYSIA, ASAS PERINDUSTRIAN NEGARA DIPELBAGAI DAN DIKEMBANGKAN, INDUSTRI-INDUSTRI BERAT MULA MEMAINKAN PERANAN DALAM EKONOMI NEGARA, PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM EKONOMI DIPESATKAN MENERUSI BERBAGAI-BAGAI SEKIM DAN GALAKAN, EKONOMI MALAYSIA TELAH MENJADI IDAMAN BEBERAPA BUAH NEGARA MAJU. — BERSAMBUNG 1805/SZ

## MAHATHIR-PROFIL 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR HANYA BERUMUR 20 TAHUN BILA BELIAU BERGIAT DALAM POLITIK. SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA, BELIAU MENJADI SETIAUSAHA PERSATUAN MELAYU KEDAH DAN MENYERTAI UMNO SEBAIK SAMAJA ALLANYARHAM DATUK ONN JAAFAR MENUBUHKANNYA DALAM TAHUN 1946.

PADA ZAMAN SEBELUM MERDEKA, BELIAU PERNAH MENULIS BEBERAPA RENCANA MENGENAI NASIB PENDUDUK KAMPUNG YANG MISKIN DAN TERBIAR. SEORANG ANAK WATAN KEDAH, BELIAU MENGIKUTI PENGAJIAN DALAM BIDANG PERUBATAN DI SINGAPURA DAN BERKHIDMAT DI KEDAH SELAMA EMPAT TAHUN SEBAGAI PEGAWAI PERUBATAN SEBELUM MEMBUKA PERNIAGAAN SENDIRI DALAM TAHUN 1957.

BELIAU MEMENANGI KERUSI PARLIMEN KOTA SETAR DALAM TAHUN 1964 DAN SETAHUN KEMUDIAN BELIAU MENJADI ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO.

DALAM PILIHANRAYA UMUM 1969 KETIKA PENGARUH PERIKATAN MEROSOT, DATUK SERI DR. MAHATHIR HILANG KERUSI PARLIMENNYA.  
— BERSAMBUNG 1815/SZ

## MAHATHIR-PROFIL 4 KUALA LUMPUR

KERANA SIKAPNYA YANG SUKA BERTERUS-TERANG MENGENAI HAL-HAL YANG DIKIRA SENSITIF, BELIAU TELAH DISINGKIRKAN DARI UMNO TAHUN ITU JUGA.

DUA TAHUN SETENGAH KEMUDIAN DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG SEMAKIN MATANG MEMASUKI UMNO SEMULA DI BAWAH PIMPINAN TUN ABDUL RAZAK. BELIAU DIPILIH MENANGGOTAI MAJLIS TERTINGGI DENGAN UNDI TERBANYAK PADA TAHUN YANG SAMA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DILANTIK SEBAGAI SEORANG SENATOR PADA TAHUN 1972 DAN MENJADI PENERUSI FIMA, SEBUAH SYARIKAT MILIK KERAJAAN.

BELIAU MEMENANGI KERUSI KUBANG PASU TANPA BERTANDING UNTUK KEMBALI KE DEWAN RAKYAT PADA TAHUN 1974 DAN DILANTIK MENJADI MENTERI PELAJARAN DALAM KABINET BARISAN NASIONAL TUN RAZAK YANG PERTAMA.

+SAYA AKAN CUBA MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN BAIK BAGI SEMUA RAKYAT MALAYSIA.+ KATANYA SELEPAS MENJAWAT JAWATAN TERSEBUT.

BELIAU DIPILIH MENJADI NAIB PRESIDEN UMNO DALAM TAHUN 1975 DAN SETAHUN KEMUDIAN MELANGKAH SETAPAK LAGI UNTUK MENJADI PEMANGKU TIMBALAN PRESIDEN DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI. — BERNAMA 1830/SZ